

## Rafflesia di Hutan Simpan Gunung Benom

Rafflesia ataupun lebih dikenali sebagai bunga pakma adalah satu spesies bunga yang popular dijumpai di negeri Sabah. Akan tetapi, daripada kajian dan penemuan terkini, spesies ini juga turut dijumpai di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia termasuklah negeri Pahang. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah mengambil inisiatif bagi memelihara kawasan bunga pakma ini dengan mengisytiharkan bunga pakma di Hutan Simpan Hulu Dong sebagai kawasan HCVF pertama bagi negeri Pahang berikutan taburan bunga pakma yang tinggi di kawasan ini serta menjadi tumpuan para penyelidik.

HCVF di kompartmen 11, Hutan Simpan Hulu Dong dan terletak juga di dalam Hutan Lipur Lata Jarum ini telah diisytiharkan pada tahun 2009 dengan keluasan sebanyak 4.35 hektar dan spesies bunga pakma yang dijumpai adalah daripada spesies *Rafflesia cantleyi*. Bunga –bunga pakma di kawasan ini dapat dijumpai secara berkelompok yang mana ianya hidup diatas batang akar perumahannya iaitu *Tetrastigma tuberculatum*.

Bagi memelihara dan memulihara habitat dan populasi bunga pakma ini, pihak Jabatan telah melakukan pemantauan dan penyelenggaraan terhadap kawasan ini secara berkala. Bancian bulanan terhadap pertumbuhan bunga pakma juga dilakukan bagi memastikan kadar percambahan kuntum baru bagi bunga pakma tidak terganggu oleh gangguan persekitaran seperti kehadiran pengunjung dan juga penyelidik ke kawasan berkenaan. Hasil daripada maklumat bancian bulanan ini juga digunakan oleh jabatan untuk mengawal jumlah pengunjung ke kawasan tersebut pada satu-satu masa.

Dengan adanya penubuhan petak HCVF ini, para penyelidik dapat menjalankan kajian berkenaan bunga pakma yang melibatkan taburan, taxanomi dan morfologi bunga pakma terutamanya penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selain itu, kawasan ini juga boleh dijadikan salah satu produk eko-pelancongan di negeri Pahang yang mana pengunjung boleh melihat dengan lebih dekat lagi bunga pakma. Walaubagaimanapun, sehingga kini kawasan ini ditubuhkan untuk tujuan pemeliharaan sumber hutan dan penyelidikan sahaja.



Bunga pakma yang terdapat di Hutan Simpan Hulu Dong, Raub.



Kudup bunga pakma yang diukur semasa bancian bulanan.

